

Ireka peroleh kontrak RM91.96 juta daripada Pantai Hospital Melaka

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Ireka Corporation Bhd (ICB), Ireka Engineering & Construction Sdn Bhd, memperolehi kontrak bernilai RM91.96 juta daripada Pantai Hospital Ayer Keroh, Melaka untuk membina bangunan hospital lapan tingkat.

“Kontrak itu juga termasuk pembinaan tambahan satu tingkat ruang bawah tanah, pengubahsuaian bangunan hospital sedia ada termasuk bilik mekanikal dan elektrik,” menurut ICB dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam.

Tempoh kontrak adalah selama 24 bulan, untuk disiapkan sebelum 15 April, 2020.

“Kontrak ini dijangka menyumbang secara positif kepada keuntungan ICB Group bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2019 dan seterusnya,” menurut syarikat itu. — Bernama